

Soalan No: 86

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]****TARIKH : 2.8.2017****SOALAN :**

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kelayakan untuk memohon Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan bagi pemegang-pemegang Unified Examination Certificate (PISMP-UEC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meletakkan syarat asas permohonan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru bagi lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)* mestilah warganegara Malaysia, berumur tidak melebihi 20 tahun pada 20 Jun (tahun ambilan), sihat tubuh badan, aktif dalam kegiatan kokurikulum, lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh sekurang-kurangnya gred kepujian dalam Bahasa Melayu serta lulus Bahasa Inggeris dan Sejarah. Di samping itu, terdapat syarat tambahan iaitu mesti memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) gred kepujian di peringkat Sijil *Senior Middle Level (UEC-SML)*.